

Pengantin lelaki lafaz akad nikah dalam bahasa Melayu di Istana Bukit Serene

Tunku Aminah sah isteri Dennis

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Puteri tunggal Sultan Johor, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim sah bergelar isteri kepada jejak pilihan hatinya, Dennis Muhammad Abdullah dengan sekali lafaz dalam istiadat akad nikah di Istana Bukit Serene di sini semalam.

Dennis, 28, yang melafazkan akad nikah dalam bahasa Melayu dinikahkan oleh Mufti Johor, Datuk Mohd. Tahrir Shamsudin selepas mendapat perkenan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang mewakili baginda.

Pada majlis pernikahan itu, keluarga pengantin perempuan yang diwakili Yang Dipertua Jemaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli menyerahkan sembilan dulang hantaran berbalas tujuh dulang daripada pihak lelaki yang diwakili bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Ismail Karim.

Keluarga pengantin perempuan dan lelaki bertukar hantaran yang dibawa masuk oleh Askar Timbalan Setia Negeri.

Hantaran bagi belah pihak keluarga Diraja Johor kepada pengantin lelaki merangkumi sebertuk cincin, senaskhah al-Quran, sejadah, persalinan baju Melayu teluk belanga serta samping, sirih junjung, kek, bunga rampai dan halwa masket.

Istiadat pernikahan diraja itu menyusul sejurus pasangan merpati dua sejoli itu mengikat tali pertunangan yang disaksikan Sultan Ibrahim, Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta kerabat diraja.

Berangkat sama Tunku Mahkota Jo-



DENNIS mencium dahi isterinya, Tunku Tun Aminah selepas istiadat akad nikah di Istana Bukit Serene semalam.

hor, Tunku Ismail dan isteri, Che Puan Khaleeda Bustamam; Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar; Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman serta Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Turut hadir ibu bapa pihak lelaki, Martin dan isterinya, Henriette Verbass, ahli keluarga serta rakan terdekat dari Belanda.

Sejurus selesai akad nikah, pengantin lelaki kemudiannya dibawa ke bilik tingkat atas istana bagi menyempurnakan istiadat menyarung cincin.

Dennis menyarungkan cincin perkahwinan pada jari manis Tunku Tun Aminah, 31, serta menyerahkan mas kahwin

sebanyak RM22.50.

Pasangan diraja yang tampil anggun dan tampan mengenakan busana tradisional Johor, baju kurung serta baju Melayu teluk belanga serba putih kemudiannya bertemu dengan ahli keluarga masing-masing.

Lebih menarik Dennis memakai songkok dan dua bentuk kerongsang yang pernah digunakan Almarhum Sultan Iskandar Sultan Ismail yang diberikan kepada baginda, Sultanah Aminah Ungku Ahmad.

DENNIS melafazkan akad nikah dalam bahasa Melayu di hadapan Mohd. Tahrir.



SULTAN IBRAHIM bersama Raja Zarith Sofiah serta anakanda mereka bergambar dengan pasangan pengantin Tunku Tun Aminah (tiga dari kiri) dan Dennis (tiga dari kanan) pada istiadat akad nikah di Istana Bukit Serene, Johor Bahru semalam.

